

USIM anjur pesta konvo di Stadium Tertutup Nilai pada 1-4 Disember



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

SEREMBAN 11 Okt. - Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang memasuki tahun kesembilan penganjurannya akan diadakan di pekarangan Stadium Tertutup Nilai dekat sini dari 1 hingga 4 Disember ini.

Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM, Nasrul Hakim Ahmad berkata, buat pertama kalinya, pesta itu akan diadakan dengan kerjasama *Utusan Malaysia* yang dilantik sebagai akhbar rasmi.

“Saya berharap, pesta konvokesyen secara besar-besaran itu dapat mempromosikan USIM selaku institusi pengajian tinggi (IPT) terbaik yang berteraskan pendidikan Islam.

“Pada masa sama, pesta yang diselitkan dengan pelbagai aktiviti bermanfaat itu diharapkan dapat menjadi platform kepada bakal graduan untuk bersedia sebelum melangkah ke alam kerjaya yang akan mereka tempuhi selepas ini,” ka-

tanya di Nilai dekat sini hari ini.

Tambah beliau, melalui hebahan yang dilakukan akhbar ini, pesta tersebut dijangka mampu menarik bilangan pengunjung lebih ramai berbanding penganjuran sebelum ini.

Katanya, biarpun bilangan hari penganjuran dipendekkan dari enam hari ke empat hari untuk edisi tahun ini, Nasrul Hakim yakin aktiviti yang disediakan amat bermanfaat kepada penuntut dan bakal graduan.

Sebanyak 114 ruang gerai turut ditawarkan kepada mereka yang berminat untuk berniaga sepanjang pesta konvokesyen berkenaan.

“Konsert Pancaindera juga akan diadakan yang menampilkan barisan artis popular di stadium berkenaan dan ia sudah pasti dinantikan oleh para pengunjung.

“Majlis konvokesyen pula akan berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 3 Disember,” ujarinya.